



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PENGGREDAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG (PPP) KATEGORI HOTEL BANDAR, RESORT, TANAH TINGGI, INOVATIF, BUTIK DAN APARTMEN

DEFINISI PREMIS PENGINAPAN PELANCONG

Mana-mana premis penginapan yang telah didaftarkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan di bawah subseksyen 31C(1) Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

1. KATEGORI PENGGREDAN

a. **Hotel Bandar:**

Premis di Kawasan yang diwartakan bandar atau kawasan penempatan mempunyai penduduk minima 10,000 orang atau kawasan pembangunan khusus; atau pusat pentadbiran daerah walaupun penduduknya kurang daripada 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60 peratus penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dengan aktiviti bukan pertanian.

Mana-mana premis yang tidak dikategorikan sebagai Hotel Resort (Pulau/Pantai/Tasik/Sungai/Taman Tema) dan Hotel Tanah Tinggi (Tanah Tinggi/Hutan) boleh dikategorikan sebagai Hotel Bandar.

b. **Hotel Resort (Pulau/Pantai/Tasik/Sungai/Taman Tema):**

Premis wajib dikelaskan sebagai Hotel Resort sekiranya berdekatan dengan pantai atau tasik atau sungai atau berada di pulau terpencil atau tempat rekreasi bertemakan hiburan yang menawarkan pelbagai aktiviti, permainan

dan tarikan berunsurkan tema tertentu. (Selain Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan).

c. **Hotel Tanah Tinggi (Tanah Tinggi/Hutan):**

Premis wajib dikelaskan sebagai Hotel Tanah Tinggi (Tanah Tinggi/Hutan) sekiranya berada lebih 300 meter dari paras laut atau berdekatan dengan hutan atau kawasan rekreasi alam yang menawarkan pelbagai kemudahan untuk tujuan rekreasi.

d. **Hotel Inovatif:**

Premis mempamerkan ciri-ciri artistik, estetik, unik dan tersendiri dalam pembinaannya. Ini dapat dilihat melalui reka bentuk dan material premis sebagai contoh iglu, *tree house*, heksagon, bas, kontena, *tube*, kapsul, glamping dan lain-lain yang tidak bersifat konvensional.

e. **Hotel Butik:**

Premis menawarkan perkhidmatan yang mesra, bersifat personal serta mewah dengan konsep dan reka bentuk yang unik serta tersendiri.

f. **Hotel Apartmen:**

Premis yang menyediakan kelengkapan, kemudahan dan perkhidmatan tertentu berkonseptan service apartment secara keseluruhan atau sebahagian bangunan.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a. Berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC);
- b. Mempunyai Lesen Perniagaan/Lesen Operasi berkaitan dengan penginapan pelancongan daripada PBT ATAU pihak berkuasa seperti Agensi Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri;

- c. Menawarkan lebih daripada 10 buah bilik atau lebih daripada 50 buah katil, mengikut mana-mana yang terpakai di dalam Akta 482;
- d. Memenuhi syarat-syarat pihak BOMBA seperti berikut:
 - i. Sijil Perakuan BOMBA sekiranya telah beroperasi lebih dari setahun; atau
 - ii. Memadai mempunyai *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sekiranya premis beroperasi kurang dari setahun; atau
 - iii. Koridor terbuka – 100 buah bilik dan lebih bagi setiap blok; atau
 - iv. Reka bentuk lain:
 - 2 tingkat hingga 3 tingkat dengan 101 buah bilik dan lebih; dan
 - 4 tingkat dan ke atas dengan 51 buah bilik atau lebih.

Nota: Mana-mana bangunan yang tidak memerlukan Sijil Perakuan BOMBA atau CCC, sila kemukakan surat pengesahan daripada pihak BOMBA

- e. Menawarkan bilik penginapan dalam keadaan:
 - i. Blok bangunan yang sama; atau
 - ii. Kelompok atau tingkat yang sama dan tersusun; dan
 - iii. Mematuhi syarat di para 2(c).
- f. Premis penginapan hendaklah tidak bercampur dengan unit kediaman persendirian sekiranya berada dalam tingkat yang sama;

- g. Bagi kategori Hotel Apartmen:
- i. Premis hendaklah menawarkan penginapan samada jenis **studio atau/dan unit yang mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) bilik** dan
 - ii. Setiap unit premis hendaklah dilengkapi dengan **kabinet dapur dan kemudahan kelengkapan memasak.**
- h. Premis perlu dikelaskan terlebih dahulu bagi:
- i. Penggredan 3 hingga 5 Bintang kategori Hotel Bandar atau Hotel Resort atau Hotel Tanah Tinggi, sebelum memohon bagi kategori Hotel Butik; **dan**
 - ii. Penggredan 1 hingga 5 Bintang kategori Hotel Bandar atau Hotel Resort atau Hotel Tanah Tinggi, sebelum memohon bagi kategori Hotel Inovatif.
- i. Semua kakitangan pengendali makanan hendaklah memperoleh **Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan Anti Typhoid yang masih sah;**
- j. Menyediakan **Grease Trap** bagi premis yang mempunyai F&B;
- k. Menyediakan **Generator Set** mengikut keperluan perundangan sedia ada;
- l. Menyediakan satu (1) bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Pihak premis perlu mendapatkan pengecualian daripada PBT **ATAU** pihak Agensi/Kerajaan yang berkaitan sekiranya tidak dapat menyediakan kemudahan tersebut;
- m. Premis yang mendapatkan khidmat luar (*outsource*) perlu dinilai sekiranya perkongsian kemudahan tersebut berada di kawasan yang berhampiran/munasabah. Markah hanya diberi sekiranya panel penilai dibenarkan membuat penilaian terhadap kemudahan tersebut;

- n. Sekiranya premis tidak dapat menyediakan kemudahan disebabkan oleh Arahan/Peraturan/Undang-undang yang berkuat kuasa, premis hendaklah mengemukakan surat pengecualian daripada pihak berkaitan; **dan**
- o. Menjadi ahli mana-mana persatuan hotel yang diiktiraf oleh MOTAC seperti di **Lampiran A**.

3. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a. Salinan Lesen Perniagaan/Lesen Operasi berkaitan dengan penginapan pelancongan daripada PBT **ATAU** pihak berkuasa seperti Agensi Kerajaan Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri;
- b. Salinan Sijil Perakuan BOMBA atau Salinan CCC atau Surat Pelepasan Perakuan BOMBA sepetimana ketetapan di para 2(d);
- c. Salinan Sijil Persatuan Hotel yang diiktiraf oleh MOTAC dan masih berkuat kuasa;
- d. Salinan Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Thypoid* yang masih sah;
- e. Salinan surat pengecualian daripada PBT **ATAU** pihak Agensi/Kerajaan yang berkaitan sekiranya tidak dapat menyediakan satu (1) bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk OKU jika berkenaan;
- f. Salinan muka hadapan kontrak jika mendapatkan khidmat luar (*outsource*) (i.e. F&B) disediakan oleh premis yang telah dibayar duti setem dan pengesahan LHDN; **dan**
- g. Salinan surat pengecualian daripada pihak berkaitan sekiranya premis tidak dapat menyediakan kemudahan disebabkan oleh Arahan/Peraturan/Undang-undang yang berkuat kuasa.

4. TATACARA PERMOHONAN

- a. Melengkapkan maklumat Borang Permohonan Penggredan PPP yang dimuat turun melalui sistem TOURLIST; **dan**

- b. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di para 3 dan Borang Permohonan Penggredan PPP hendaklah dikemukakan ke Pejabat MOTAC Negeri berkenaan melalui sistem TOURLIST.

5. FI YANG PERLU DIBAYAR

Tiada fi dikenakan bagi permohonan penggredan buat masa ini.

6. MEKANISME PENGGREDAN

- a. Pemeriksaan premis akan dilakukan dalam **tempoh 30 hari bekerja** selepas permohonan penggredan yang lengkap diterima;

- b. Permohonan penggredan semula hendaklah dikemukakan **tiga (3) bulan sebelum** tarikh sijil penggredan tamat tempoh;

- c. Permohonan penggredan premis yang telah diperiksa dan lengkap akan dibawa ke **Mesyuarat Panel Penggredan PPP**;

- d. Surat keputusan permohonan penggredan **atau/dan** Sijil Penggredan akan diterima dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** selepas keputusan **Mesyuarat Panel Penggredan PPP** dikeluarkan;

- e. Pihak premis boleh mengemukakan **rayuan** dalam tempoh **21 hari bekerja** daripada tarikh surat keputusan dikeluarkan;

- f. MOTAC mempunyai kuasa pada bila-bila masa untuk **menarik semula penggredan** dan **menjalankan penggredan semula** sekiranya:

- Premis kurang disenggara, kurang kelengkapan, kurang peralatan atau kurang tenaga kerja;
- Kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh premis sudah merosot; **dan**
- Perkara-perkara yang diambil kira semasa penggredan tidak lagi wujud.

; **dan**

- g. Penggredan Bintang tidak terpakai sekiranya premis tidak memenuhi syarat keperluan mandatori sekurang-kurangnya satu (1) bilik penginapan serta kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU). Premis secara automatik akan dinilai di bawah penggredan Orkid.

7. SIJIL PENGGREDAN PPP

- a. Sijil Penggredan akan hanya dikeluarkan setelah permohonan penggredan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan dan boleh dicetak melalui sistem TOURLIST;
- b. Sijil Penggredan dicetak atas **nama premis dan alamat** seperti di Lesen Perniagaan/Lesen Operasi. (Penggunaan nama premis dengan menggunakan perkataan ‘melancong’, ‘pelancongan’, ‘pengembaraan’ atau ‘pengendali pelancongan’ dan seumpamanya adalah dilarang); **dan**
- c. Tempoh sah laku sijil penggredan tidak melebihi **tiga (3) tahun**.

8. PENGGANTIAN SIJIL PENGGREDAN

- a. Premis perlu mengemukakan surat rasmi berserta dengan justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian atas sebab kehilangan atau kemasuhan sijil penggredan melalui sistem TOURLIST; **dan**

- b. Sijil penggredan baharu akan dikeluarkan bagi tujuan kehilangan atau kemusnahan sijil penggredan. Fi penggantian sijil penggredan sebanyak RM50.00 akan dikenakan sekiranya pemohon gagal mengemukakan sijil asal penggredan.

Nota: Pertukaran nama pemis pada sijil penggredan boleh dibuat sekiranya tiada perubahan pengusaha premis. Namun penggredan baharu perlu dilaksanakan jika sebaliknya.

9. **PERTUKARAN PEMILIK ATAU NAMA PREMIS**

- a. Premis perlu mengemukakan permohonan penggredan baharu kepada Pejabat MOTAC Negeri melalui sistem TOURLIST; **dan**
- b. Sijil penggredan yang baharu akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

10. **KRITERIA PENILAIAN**

- a. Sistem penarafan penggredan Bintang dinilai dan diaudit berdasarkan kepada kriteria mengikut sistem markah, jenis premis, kelengkapan bilik penginapan premis, operasi, perkhidmatan makan dan minum serta pengurusan dapur, pengurusan sumber manusia, perhubungan pelanggan, kemudahan, keselamatan, teknologi dan ICT, ciri-ciri istimewa dan sebarang kriteria yang lain;
- b. **Keperluan minimum** bagi setiap kawasan kualiti masing-masing untuk premis adalah seperti di **Lampiran B**; **dan**
- c. Penarafan penggredan Bintang untuk setiap kriteria di bawah bidang kualiti adalah berdasarkan kepada keperluan semasa. Tahap penarafan Bintang, 1 hingga 5 Bintang, akan diberikan berdasarkan kepada pemarkahan jumlah wajaran yang ditetapkan bagi setiap kategori Bintang.

11. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGGREDAN

a. Di peringkat Pejabat MOTAC Negeri:

Laporan pemeriksaan penggredan (baharu/semula/penilaian kendiri) yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas tarikh pemeriksaan dilaksanakan.

b. Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:

Sijil Penggredan dikeluarkan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** setelah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

12. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2025**.

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

LAMPIRAN A

**SENARAI PERSATUAN-PERSATUAN HOTEL YANG DIKTIRAF OLEH
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

1. Persatuan Hotel Malaysia
(*MAH – Malaysian Association of Hotels*)
2. Persatuan Pemilik Hotel Malaysia
(*MAHO – Malaysian Association of Hotel Owners*)
3. Persatuan Hotel Bajet Malaysia
(*MyBHA – Malaysia Budget Hotel Association*)